

29/03/1998

Rasuah: Laporan kepada pihak berkuasa

SUNGAI PETANI: Umno meminta lebih ramai ahli yang dirasuah sewaktu kempen pemilihan melaporkan perkara itu kepada pihak berkuasa, bagi memulihkan semula imej parti yang terjejas berikutan kegiatan rasuah.

Bagaimanapun, mereka perlu mengemukakan laporan itu berdasarkan fakta yang kukuh dan bukan berasaskan spekulasi atau khabar angin saja.

Naib Presidennya, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, berkata tindakan itu perlu dilakukan bagi memastikan parti akan terus kukuh dan mampu memenangi hati pengundi dalam pilihan raya umum akan datang.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, kelmarin memberi amaran Umno akan kalah dalam pilihan raya umum jika rakyat yang bukan ahli parti itu memandang jijik dan kotor terhadap imej Umno.

Presiden Umno itu berkata, sudah ada orang mula benci serta memandang jijik terhadap parti itu dan pemimpinnya kerana terlalu ghairah merebut jawatan dalam parti dengan melakukan rasuah.

Abdullah berkata, Umno tidak akan mempertahankan ahli yang didapati melakukan kegiatan tidak bemarkah itu, walaupun mereka mempunyai kedudukan dalam parti.

(END)